

Elektrik: PM arah siasat segera

B.H - 20 OCT 1992



Oleh Wan Hamidi Hamid dan M Thillinadan

SUBANG, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejadian bekalan elektrik yang terputus di seluruh Semenanjung dua hari lalu tidak sepatutnya berlaku dan mahu siasatan segera dijalankan untuk mengenal pasti puncanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan perlu menyasiat peristiwa itu untuk mengetahui punca berlaku kejadian yang menyebabkan kerugian berpuh-puluh juta ringgit, khususnya di sektor perindustrian.

"Kita kena siasat apa sebab kejadian itu. Sepatutnya ini tidak berlaku. Kita mesti tahu apa sebabnya supaya tindakan boleh diambil untuk mengelak perkara ini daripada berulang," katanya kepada pemberita selepas kembali daripada lawatan rasmi ke Ireland di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini petang ini.

Selasa lalu, bekalan elektrik di Semenanjung terputus mulai jam 3.16 petang berikutan empat talian elektrik di pusat penyaluran Telok Kalong, Kemaman, Terengganu terpelantik disebabkan ribut petir.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif dan Pengerus Besar Kanan Tenaga Nasional Berhad (TNB),

Datuk Mohd Ariffin Abdul Rahman dalam sidang akhbar petang ini menjelaskan 95 peratus bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia yang terjejas sejak dua hari lalu, sudah dipulihkan. Keadaan dijangka pulih sepenuhnya lewat petang esok.

Mohd Ariffin berkata TNB kini menjana 4,360 megawatt dan mampu memenuhi semua permintaan ke seluruh negara, kecuali pada waktu penggunaan optimum di antara jam 10 pagi dan 12 tengah hari dan 2 petang hingga 4 petang.

Menurutnya, jumlah bekalan elektrik peringkat optimum diperlukan ialah 4,400 megawatt. Jumlah itu dijangka dicapai menjelang lewat petang esok apabila keupayaan beberapa stesen janakuasa dibaik pulih.

Beliau berkata, Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar, Port Dickson dan Stesen Janakuasa Prai akan mengeluarkan 140 megawatt mulai lewat petang esok bagi membolehkan TNB menjana 4,500 megawatt secara keseluruhan.

"Penjanaan 4,500 megawatt adalah lebih daripada mencukupi tetapi empat stesen lain akan turut dibaik pulih mengikut jadual penyelenggaraan

untuk menjana bekalan berlebihan bagi menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Stesen Janakuasa Jambatan Connaught, Klang akan mengeluarkan 130 megawatt pada 3 Oktober, Stesen Janakuasa Sultan Idris II, Cameron Highlands (50 megawatt) pada 4 Oktober, Stesen Janakuasa Jambatan Connaught (100 megawatt) pada 5 Oktober dan Stesen Janakuasa Sultan Iskandar, Pasir Gudang (87 megawatt) pada 7 Oktober.

Mohd Ariffin berkata, keupayaan janaan bekalan elektrik pada 7 Oktober akan mencapai 4,847 megawatt di Semenanjung iaitu lebih 487 megawatt daripada yang diperlukan pada waktu penggunaan optimum.

Menurutnya, sejak dua hari lalu TNB sudah meminta kerjasama kilang besi Perwaja Steel, Malayawata, Amalgamated Steel of Malaysia, Southern Iron dan Antara yang menggunakan 180 megawatt supaya menghentikan pembakaran besi secara Relau Arka Elektrik (Furnace) bagi mengelakkan penggunaan bekalan elektrik secara maksimum.

"Kami juga meminta pihak kilang, khususnya ki-

LIHAT MUKA 2

Elektrik terputus:

TNB
B.H. 20 OCT 1992

rugi

\$8 juta

DARI MUKA 1

lang yang mengeluarkan sistem hawa dingin turut mengurangkan penggunaan tenaga.

"Semua kilang besi dihubungi oleh Bilik Kawalan di Kuala Lumpur manakala kilang lain oleh pengurus kawasan di negeri masing-masing," katanya.

Mengenai siasatan punca bekalan elektrik terputus, beliau berkata, komputer mengesan kejadian terpelantik disebabkan ribut petir di antara Stesen Janakuasa Sultan Ismail, Paka dan stesen kecil di Telok Kalong, Terengganu.

Menurutnya, jurutera sudah dihantar mengesan kawasan berlaku kejadian itu yang merangkumi kira-kira 40 kilometer tetapi setakat ini belum membawa hasil.

Mohd Ariffin berkata, TNB kerugian \$8 juta di segi pendapatan kerana bekalan elektrik terputus sejak dua hari lalu.

"Jika seluruh negara tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam, TNB akan rugi pendapatan \$10 juta sehari, Bagaimanapun, tindakan segera TNB memulihkan 35 peratus bekalan pada jam 8 petang pada hari kejadian dapat mengelakkan kerugian besar," katanya.

Mengenai bekalan elektrik ke Singapura berikutan letupan Stesen Janakuasa Seneko, Woodlands pada hari sama, beliau berkata, Stesen Janakuasa Pasir Gudang membekalkan elektrik di antara jam 9 pagi dan 9.55 pagi tetapi dihentikan kerana tidak berupaya.

Mohd Ariffin menasihatkan pengguna terus menjimatkan tenaga elektrik, terutama alat hawa dingin dan motor di waktu puncak.

Pengguna yang belum mendapat bekalan elektrik sejak kelmarin juga dinasihat menghubungi bilik gerakan TNB berhampiran.